

Datuk Musa enggan bertanding

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Kota Tinggi, Datuk Musa Hitam tidak akan bertanding dalam pilihanraya umum ini, atas permintannya sendiri.

Berikutan itu, nama Datuk Musa, yang juga Duta Besar Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sudah digugurkan daripada senarai terakhir calon bagi negeri Johor. Sebelum itu, namanya ada dalam draf senarai calon.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir ketika mengesahkan perkara itu, berkata Datuk Musa enggan bertanding dengan alasan beliau tidak berminat lagi dalam bidang politik dan mahu menumpu-

kan khidmat kepada negara sepertiimana yang dilakukannya sekarang.

Menurutnya, Datuk Musa sudah memberitahu Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin yang beliau tidak akan bertanding.

"Selepas itu, saya menghubungi Datuk Musa dan dia mengesahkan tidak akan bertanding. Alasan yang diberikannya kepada saya ialah dia tidak berminat dalam bidang politik dan mahu meneruskan khidmat kepada negara sepertiimana dilakukannya sekarang," katanya ketika ditanya mengenai kedudukan Datuk Musa, dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyua-

rat Majlis Tertinggi Umno, di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, ketika menghubunginya menerusi telefon, beliau berkali-kali meminta Datuk Musa supaya bertanding, "tetapi dia berkeras mengatakan dia tidak mahu bertanding, walau dengan apa pujukan sekalipun."

Katanya, Datuk Musa menjelaskan dia enggan membuat sebarang kenyataan mengenai hasratnya untuk tidak bertanding sehingga sudah ditentukan tarikh pilihanraya, kerana tidak mahu diganggu dengan pelbagai rayuan menerusi telefon atau telegram.

"Sebab itulah dia tidak mahu memberitahu awal-awal pengun-

durannya daripada politik, termasuk membiarkan pemberita membuat penilaian sendiri mengenai kenyataannya (selepas menang dalam perbincangan saman malu terhadap penulis Syed Hussein Al-Atas).

"Datuk Musa kata, kalau dia memberitahu pemberita pada masa itu mengenai hasratnya untuk bersara daripada politik, nanti banyak pula rayuan dan pujukan (memintanya jangan berhenti)," kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Perdana Menteri bagaimanapun enggan mengulas ketika ditanya sama ada keputusan Datuk Musa itu akan menjejaskan senario politik Johor.